

# Kenyataan isu projek Scomi tak salah: PM

## Abdullah bandingkan fakta laporan, wawancara di TV3

Oleh Wan Hazmir Bakar

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menegaskan bahawa kenyataannya mengenai isu berkaitan projek diperoleh Kumpulan Scomi, syarikat yang dikuasai anaknya, Kamaluddin, sebelum ini tidak salah.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah meneliti laporan berhubung kontrak diperolehi Scomi serta membandingkan dengan rakaman dan transkrip kenyataannya dalam wawancara khas bersama Pengerusi Bernama, Datuk Anuar Zaini, disiarkan TV3 awal bulan lalu.

"Saya minta Scomi menghantar laporan dan saya sudah melihat laporan itu, dua hari lalu dan saya ingin katakan apa yang saya nyatakan (dalam wawancara khas itu) adalah benar. Tiada projek diberikan kepada Scomi pada pengetahuan saya.

"Saya secara peribadi juga tidak membenarkan Scomi diberi sebarang

keistimewaan," katanya pada sidang media selepas merasmikan pameran Al-Quran: Kesucian Seni Wahyu & Ilmuan Islam' di Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM) di sini.

Hadir sama, Pengerusi Yayasan Al-Bukhary Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary dan Pengerusi Media Prima Berhad, Datuk Abdul Mutalib Mohamed Razak.

Minggu lalu, Abdullah ketika men-

*"Saya juga secara peribadi tidak membenarkan Scomi diberi sebarang keistimewaan"*

**Abdullah Ahmad Badawi**  
*Perdana Menteri*

jawab kritikan pihak tertentu terhadap kesahihan kenyataannya itu, berkata tidak terlintas di hatinya untuk berbohong dengan tidak memberi pendedahan penuh mengenai kontrak yang diterima Scomi ketika diwawancara Anuar.

Perdana Menteri menegaskan beliau tiada apa-apa hendak disorokkan dan bersedia meminta maaf jika ada kesilapan dalam jawapannya itu.

Dalam wawancara itu, Abdullah berkata Kamaluddin tidak pernah menyalahgunakan hubungan keluarga untuk mendapat projek atau perolongan kerajaan dan 80 peratus perniagaan Scomi adalah dari luar negara.

Mengenai pelantikan Tan Sri Musa Hassan sebagai Ketua Polis Negara bagi menggantikan Tan Sri Mohd Bakri Omar, Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata:

"Saya percaya beliau calon terbaik

untuk tugas itu... dia mampu melaksanakan tugas itu dengan baik dan dia juga dikenali sebagai orang yang berintegriti."

Terdahulu, dalam ucapannya, Abdullah berkata, al-Quran perlu dibaca dan dihayati kerana ia bukan saja mengandungi pengajaran agama tetapi juga sumber ilmu pengetahuan yang membina peradaban cemerlang seperti yang pernah dicapai umat Islam terdahulu.

Perdana Menteri berkata, beliau sendiri mendapati kandungan kitab suci itu amat mengagumkan setiap kali membacanya walaupun sudah lebih 60 tahun berbuat demikian.

"Al-Quran itu bukan hanya untuk disimpan sebagai azimat semata-mata, bukanlah untuk disimpan dalam perpustakaan untuk dilihat sekali-sekali, tetapi sebenarnya al-Quran itu perlu sentiasa dibaca kerana ia adalah penawar dan memberi kita pengajaran berkaitan sejarah silam dan kisah Nabi dan Rasul," katanya.